

Publication: Berita Harian, p 13

Date: 16 July 2016

Headline: 'My brother is in the same lecture class!

MAJLIS TAMAT PENGAJIAN UNIVERSITI PENGURUSAN SINGAPURA (SMU)

Musim konvokesyen universiti sudah bermula. Di sebalik perasaan gembira menerima ijazah, pengalaman yang dilalui sepanjang pengajian terpahat dalam minda masing-masing. Wartawan FARID HANZAM (farid@sph.com.sg) mengetengahkan pengalaman beberapa siswazah Universiti Pengurusan Singapura (SMU) mengharungi anak duri pengajian tinggi.

Abangku rakan sekuliah!

Adik-beradik saling sokong kejar ijazah pengurusan niaga SMU; mampu jimat kos, masa

MELIHAT adik-beradik meneruskan pengajian di sekolah atau institusi pendidikan yang sama bukan perkara asing dalam masyarakat.

Namun, adik-beradik dalam kelas, apakah lagi dalam kumpulan projek, yang sama? Itulah yang dilalui Encik Abdul Latif Mohamed Sa'at, 25 tahun, dan adiknya Cik Siti Mardhiyyah, 23 tahun.

Encik Abdul Latif merupakan anak keempat dalam keluarga lima beradik, manakala Cik Mardhiyyah anak bongsu.

Mereka menjadi rakan sekuliah memandangkan sang abang perlu menjalani Perkhidmatan Negara (NS) selama dua tahun

dahulu sebelum menyambung pengajian ke Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Kehadiran adik dalam kebanyakan kelas yang dihadiri di SMU, di samping menjadi rakan kumpulan bagi projek sekolah, sama sekali tidak mendatangkan masalah kepada abang. Malah, ia memberi manfaat daripada sudut masa dan kos.

"Tidak ramai tahu kami sekelas. Saya tak pasti apa perasaan orang lain jika mempunyai adik-beradik sekelas. Tapi saya tiada masalah dengan hal itu. Malah, saya rela beliau jadi rakan sekumpulan bagi projek sekolah kami ketika itu.

"Baiknya, jika saya terlepas menulis nota



ADIK DAN RAKAN SEKELAS: Encik Abdul Latif (lima dari kanan) bersama adiknya Siti Mardhiyyah (turut memakai pakaian siswazah) diapit anggota keluarga selepas menerima ijazah masing-masing. - Foto NUR ASHIDA LAU

kerana terlewat atau tidak dapat ke sekolah, saya boleh dapatkan daripadanya.

"Kami sentiasa ulang kaji bersama, jadi boleh bertukar pandangan. Apabila ada projek sekolah, kami tidak perlu ke mana-mana, hanya habiskan projek di rumah saja," ujar Encik Abdul Latif, yang meraih ijazah sarjana muda bidang pengurusan perniagaan dengan pengkhususan dalam pengurusan operasi dan kewangan.

Adiknya pula lulus ijazah sama, namun dengan pengkhususan tabiat pertubuhan, sumber manusia dan pengurusan operasi. Cik Mardhiyyah turut lulus dengan peringkat 'cum laude' (sistem pencapaian Amerika Syarikat yang serupa kepujian).

Encik Abdul Latif, yang sedang menanti tawaran pekerjaan, merupakan Naib Presiden pasukan bola tangan SMU.

Beliau juga aktif melakukan kerja kemasyarakatan, termasuk di luar negara, misalnya melawat kampung di China selama dua minggu.

"Banyak pengalaman menjadi pemimpin sebuah khidmat kemasyarakatan yang saya pelajari ketika itu - daripada aspek mengumpul dana sehingga menjaga kebajikan anggota lain," ujarnya.

Namun, itu tidak menjejaskan usahanya mengimbangi jadual kegiatan luar dan pelajaran, sehingga berjaya meraih keputusan merit bagi ijazahnya itu.

Cik Siti Mardhiyyah pula sudah bekerja sebagai konsultan pengambilan kerja di sebuah syarikat.

"Saya sebenarnya tiada rancangan mahu mengambil jurusan yang sama, apatah lagi

duduk sekelas dengan abang. Saya hanya ingin mendalami pengajian dalam sumber manusia. Ini semua secara kebetulan, tapi saya tidak rasa rugi. Sebaliknya, saya anggap beliau macam pelajar lain juga semasa dalam kelas.

"Beliau ada kumpulan rakan yang rapat dan saya juga ada rakan sendiri. Jadi tiada masalah bagi kami memilih menjalani kehidupan seperti pelajar lain," jelasnya.

Cik Mardhiyyah aktif dalam Persatuan Badaya Bahasa Melayu dan program celik kewangan SMU.

Kedua cahaya mata Pengerusi Eksekutif Masjid Encik Mohamed Sa'at Matari, 63 tahun, dan suri rumah, Cik Siti Rohani Tarif, 61 tahun, itu belum mempunyai rancangan melanjutkan pengajian.